

Spektrum @ PSN

Apa yang menarik bulan ini?

Science Kids 2012 beri pengalaman bermakna kepada peserta

Science Carnival berjaya tarik minat pengunjung

FIM cetus daya kreativiti dan inovasi peserta

Sana-sini PSN

Info Sains

Program menarik akan datang

Judul buku untuk bulan ini

Jom kenali bahan pameran di PSN

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401
W : www.psn.gov.my
Fb : fb.com/PusatSainsNegara



SCIENCE KIDS 2012 BERI PENGALAMAN BERMAKNA KEPADA PESERTA

Pusat Sains Negara: Seperti tahun-tahun-tahun sebelumnya, Pusat Sains Negara dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah bersama-sama menjayakan program tahunan iaitu Science Kids 2012. Program yang berlangsung selama 6 hari ini iaitu bermula dari 7 hingga 12 Oktober 2012 telah melibatkan penyertaan seramai 44 orang peserta yang mewakili jabatan pelajaran negeri masing-masing.

Matlamat utama program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar yang terpilih dari kalangan yang kurang berkemampuan di luar bandar menyertai pelbagai aktiviti sains yang mampu menarik minat mereka untuk lebih mendalami bidang sains. Selain itu, mereka juga berpeluang untuk melawat beberapa tempat menarik seperti Menara Berkembar Petronas, Skybridge, Petrosains, i-City, dan Times Square.

Diharapkan agar program ini akan diteruskan bagi memberi peluang kepada ramai lagi pelajar untuk merasai pengalaman menyertai program yang dianjurkan oleh Pusat Sains Negara.



SCIENCE CARNIVAL BERJAYA TARIK MINAT PENGUNJUNG

22 Oktober 2012 : Bersempena dengan pameran bertema Dinosaurs Live! yang berlangsung sehingga 31 Oktober 2012, Pusat Sains Negara bekerjasama dengan Cityneon Events menganjurkan Science Carnival bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur pada 19-21 Oktober 2012.

Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan sepanjang karnival ini berlangsung antaranya Dino Treasure Hunt, Dino Costume Challenge, Dino Colouring Contest, Water Rocket Contest, jualan makanan dan minuman, cenderahati, permainan dan yang paling istimewa ialah kehadiran Angkasawan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muzaphar Syukor yang hadir sebagai tetamu undangan. Selain itu, pengacara terkenal Suria FM iaitu Linda Onn turut hadir memeriahkan karnival ini.

Secara keseluruhannya, penganjuran karnival yang julung-julung kali ini telah berjaya mencapai matlamatnya dengan sambutan yang diterima daripada pengunjung yang datang ke Pusat Sains Negara.



FIM CETUS DAYA KREATIVITI DAN INOVASI PESERTA

22 Oktober 2012 : Program FIM (Family Innovation Movement) telah berjaya dilaksanakan di lokasi terakhir iaitu di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Seremban, Negeri Sembilan pada 20 dan 21 Oktober yang lalu. Penganjuran program ini dilaksanakan serentak dengan Karnival Sains dan Gerakan Inovasi 2012 peringkat Zon Tengah yang merupakan lokasi terakhir sambutan ini diadakan.

Program ini bertujuan membuka minda masyarakat untuk menyedari kreativiti masing-masing dan menjadi inspirasi kepada mereka untuk lebih inovatif. Para peserta terdiri daripada golongan kanak-kanak, pelajar sekolah, pelajar IPT, ibu-bapa dan masyarakat luar bandar. Aktiviti yang dijalankan adalah berbentuk bengkel antaranya seperti Ice Breaking, InnoWorld, Hands-on Activity, InnoSpark dan Art Meet Scientist. Semua aktiviti ini berjaya merangsang minda dan kreativiti para peserta selain mencetus daya inovasi dalam diri mereka.

Kejayaan program ini diharap dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memberi ruang kepada ramai lagi masyarakat untuk mengambil peluang meningkatkan daya kreativiti dan inovasi bagi melahirkan masyarakat yang lebih berwawasan.

SANA-SINI PSN

**MEET THE SCIENTIST
PROF. MARTYN POLIAKOFF**

18 Oktober 2012
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

**PROGRAM OUTREACH
PERKAMPUNGAN SAINS**

3-5 Oktober 2012
Pengkalan Balak
Melaka



**RANCANGAN ASTRO
CHEF SURPRISE
BERSAMA
DATO' FAZLEY
DAN
MAJOR DR. FAIZ**

11 Oktober 2012
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur



INFO SAINS

TAHUKAH ANDA?

Nyamuk lebih cenderung untuk menghampiri wanita

daripada lelaki kerana nyamuk amat tertarik dengan bau

estrogen iaitu hormon yang dihasilkan oleh wanita.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

FESTIVAL SAINS

10-16 Disember 2012
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

PAMERAN STARTREK

Disember 2012
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

PAMERAN
SPORT & SPINACH

Disember 2012
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

GLOBAL KIDS FUN CAMP

12-14 Disember 2012
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI



"A small book
about big ideas"

MAX McKEOWN

THE TRUTH ABOUT INNOVATION

Buku ini mengubah inovasi penyelidikan yang amat penting pada hari ini melalui 50 bukti benar. Penyampaiannya adalah secara bersahaja melalui nasihat dan idea berasas tentang bagaimana untuk meningkatkan kreativiti, menggalakkan kerjasama, mengatasi sikap sambil lewa dan banyak lagi.

★ ANGKAT DIRI SENDIRI ★



FUNGSI

Menerangkan tentang konsep tuas yang diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

